



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18//2011

Pertumbuhan ekonomi lebih enam peratus

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak semalam membayangkan kadar pertumbuhan ekonomi negara berada pada tahap lebih daripada enam peratus bagi 2010.

Perdana Menteri yang enggan mengulas lanjut kadar pertumbuhan itu, berkata pengumuman rasmi mengenai ini dibuat hari ini.

"Angka terbaru akan diumumkan esok (hari ini), saya boleh beritahu angka itu melebihi enam peratus, selepas itu kita buat perancangan untuk mencapai pertumbuhan sedemikian.

"Kita tidak boleh bergantung kepada faktor luaran, kita mesti bangunkan pelaburan tempatan, bangunkan permintaan domestik seperti dirancang dalam hala tuju kita seperti melaksanakan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP)," katanya.

